

07 APR 2003

Abdullah-Timbangan

BAHAGIAN UMNO DINASIHAT TIDAK MEMBUAT USUL SIAPA TPM

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menasihatkan semua bahagian Umno supaya tidak membuat sebarang usul berhubung siapa yang harus menjadi timbalannya apabila beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri kelak.

Pemangku Perdana Menteri berkata usul sedemikian oleh bahagian Umno boleh menimbulkan sesuatu yang menyebabkan berlakunya kempen untuk merebut jawatan tertentu dalam parti.

"Tak payahlah pada waktu ini usul-usul seperti ini diadakan oleh mana-mana bahagian pun, sebab yang pertamanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telahpun menyatakan bahawa saya akan menentukan nanti siapakah yang akan menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Keduanya, parti telah bersetuju bahawa pemilihan tidak akan diadakan melainkan setelah selesainya pilihan raya umum nanti, dan fakta ini harus diberi perhatian oleh bahagian-bahagian," katanya pada sidang media di lobi Parlimen selepas membentangkan usul berhubung persempadanan semula kawasan pilihan raya pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika mengulas sokongan Umno Bahagian Chenderoh di Perak supaya Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi Timbalan Presiden Umno dan seterusnya dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri Oktober ini.

Ketua Umno Bahagian Chenderoh, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata bahagian itu membuat pendirian bahawa Najib layak menggantikan Abdullah kerana beliau telah lama berada dalam kerajaan dan memberikan sumbangan yang cukup berharga terhadap pembangunan negara.

Abdullah, yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata jika satu bahagian mula membuat satu usul dan diikuti pula oleh bahagian lain membuat satu keputusan lain, ia akan menimbulkan kekecohan.

Katanya adalah lebih baik jika bahagian-bahagian tidak mengemukakan calon mereka.

"Apa jua yang ada hubung kait dengan jawatan, boleh dikemukakan nanti, diusulkan nanti apabila kita mengadakan pemilihan parti.

"Tentang pilihan Timbalan Perdana Menteri pula, berilah saya kesempatan untuk saya perhitungkan calon yang sesuai," katanya.

Ditanya mengenai pertikaian dalaman membabitkan parti-parti komponen Barisan Nasional, Abdullah berkata ianya hendaklah dihentikan dan tidak dibiarkan berlarutan.

Katanya Dr Mahathir telahpun menyatakannya dan beliau sendiri telah membuat kenyataan sebelum ini pada mesyuarat BN.

"Saya telah mengingatkan mereka bahawa yang penting sekali ialah menjamin parti kita sentiasa kuat, dan jika timbul masalah antara parti, kita harus menyelesaikannya secepat mungkin dan elak daripada pertikaian antara parti," kata Abdullah.

Katanya beliau yakin bahawa sebagai pemimpin bertanggungjawab, mereka tidak akan melakukan sebarang tindakan yang boleh menjejaskan peluang BN memenangi pilihan raya umum akan datang.

"Pendek kata, mereka tidak akan menyebabkan kedudukan dan kekuatan BN tergugat," katanya.

Kepada soalan daripada seorang wartawan asing mengenai penahanan seorang anggota Parti Keadilan Nasional mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri, Abdullah berkata tangkapan dibuat bukan kerana seseorang itu anggota parti Keadilan atau mana-mana parti pembangkang tetapi disebabkan

apa yang mereka telah lakukan.

"Mereka telah melanggar undang-undang dan kita berpendapa adalah wajar mereka ditahan mengikut ISA," katanya.

Di akhir sidang media itu, Abdullah dikerumuni oleh isteri beberapa tahanan ISA yang ingin tahu kenapa suami mereka ditahan.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, meminta mereka supaya bersabar.

-- BERNAMA

HS HS MAI